

**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TARIKH IKLAN: 28 OGOS 2019  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 11 SEPTEMBER 2019  
BILANGAN IKLAN: 65/08/19(SPA/BIKL)**

**PERATURAN 7(a)-LUAR BIDANG**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.



**1. MERINYU HAL EHWAL UGAMA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.2-3 EB.4 (\$650 - \$1,465 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = LAPAN (08)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei atau lulus dengan Kepujian Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.


**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Telah lulus Peperiksaan Sekolah Ugama Darjah VI (Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyediakan keterangan dokumen bagi setiap kertas siasatan.
2. Memasukkan data ke dalam sistem rekod bagi kes yang sabit dibicarakan.
3. Membuat tapisan kesalahan Jenayah Syariah bagi permohonan pelbagai agensi.



4. Mengendalikan barang rampasan.
5. Menerima aduan seterusnya membuka fail aduan.
6. Merekod keterangan tertuduh atau saksi.
7. Menerima *First Information Report (FIR)*.
8. Menghantar surat panggilan di dalam dan luar daerah.
9. Mengendalikan pesalah dalam peringkat siasatan dan juga peringkat pendakwaan seperti pengambilan DNA, membawa ke tahanan atau penjara, membawa ke Mahkamah Syariah.
10. Berperanan di dalam rondaan dan juga operasi.
11. Menjadi saksi-saksi bagi pengambilan keterangan pesalah.
12. Menjadi penyambut tetamu di kaunter *Charge Room Officer (CRO)* mengikut *shift* yang ditetapkan.
13. Menerima arahan dari semasa ke semasa.



**NOTA:**

**Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup Permohonan : 11 September 2019**

**Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan salinan-salinan Kad Pengenalan Pintar, Surat Beranak, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, satu keping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:**

**SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3,  
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**PEMBERITAHUAN:**

1. **Penggunaan Borang SPA/1**
  - a Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.
  - b Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.
  - c Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.
  - d Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ([www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn)). Sila klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
  - e Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.
  - f Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran passport.
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.